

## STATUS TERKINI BERHUBUNG RESIDENSI BANDAR EKAR, NEGERI SEMBILAN

20 FEBRUARI 2025

**KUALA LUMPUR, 20 FEBRUARI** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin memaklumkan perkembangan terkini mengenai projek Residensi Bandar Ekar, Negeri Sembilan, susulan sesi perjumpaan yang diadakan pada hari Rabu, 19 Februari 2025, antara YB Hanifah Abu Baker, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Labu, pembeli projek serta wakil PR1MA berkenaan status penyiapan projek dan pembayaran awal Sebahagian Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (PLAD).

Residensi Bandar Ekar terdiri daripada 766 unit rumah teres, dengan 752 unit (98%) telah terjual. Setakat Februari 2025, kerja-kerja fizikal di tapak projek telah siap sepenuhnya. Punca awal kelewatan ini adalah disebabkan masalah yang dihadapi oleh kontraktor asal iaitu Bina Terbit Sdn. Bhd. Lanjutan itu, PR1MA telah melantik Zikay Synergy Sdn. Bhd. (ZSSB) pada 9 September 2021 bagi menyiapkan projek ini.

Terkini, projek Residensi Bandar Ekar berada dalam peringkat pemeriksaan akhir bagi melengkapkan proses permohonan Pematuhan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC). Pemeriksaan pematuhan CCC bersama Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan agensi teknikal terlibat telah selesai dan pihak kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja pematuhan ulasan bagi pengeluaran surat sokongan. Setakat ini, sebanyak empat (4) surat sokongan telah diluluskan, manakala enam (6) lagi surat sokongan sedang dalam proses kelulusan. Berdasarkan situasi semasa, jadual penyiapan projek ini telah dianjakkan ke suku pertama 2025, tertakluk pada kerjasama dan kelulusan PBT dan agensi-agensi teknikal yang terlibat semasa proses pematuhan CCC dijalankan. Pada masa yang sama, tumpuan kerja di tapak adalah pada pembaikan kecacatan dan pembersihan akhir unit kediaman.

Bagi mengurangkan bebanan kewangan yang dihadapi pembeli, PR1MA telah membuat inisiatif pembayaran awal sebahagian Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (PLAD) kepada pemilik rumah yang terkesan. Setakat ini, PR1MA telah membuat pembayaran PLAD ke-7 kepada 707 pembeli yang melibatkan pembayaran berperingkat sejumlah RM48.6 juta. PR1MA kini sedang memberi tumpuan dan keutamaan dalam penyiapan projek agar proses penyerahan kunci kepada pembeli dapat dilakukan secepat mungkin. Sehubungan dengan itu, pembayaran LAD kepada pembeli-pembeli akan dilakukan pada masa yang sewajarnya mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Pihak PR1MA dan kontraktor tetap komited dalam memastikan projek dapat disiapkan secepat mungkin dan akan mematuhi terma dan syarat seperti yang termaktub dalam perjanjian jual beli bersama pihak pembeli. PR1MA amat berterima kasih atas sokongan yang diberikan oleh semua pihak dalam merealisasikan usaha PR1MA membina kediaman untuk Rakyat.

**-TAMAT-**

---

**Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi perumahan mampu milik utama di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Perspective Strategies**

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

**PR1MA**

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)